KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	13/10/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	TNB			

TNB pacu pelan strategik rendah karbon

HM 13 Okt 2021_24

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengambil langkah proaktif sejak Ogos lalu melalui pengumuman hala tuju kelestarian (TNB *Sustainibility Pathway*) dengan aspirasi mencapai pelepasan sifar bersih menjelang tahun 2050.

Pengerusi TNB Datuk Seri Hasan Arifin berkata, Kumpulan mengalu-alukan dan menyokong penuh pendirian kerajaan dalam menerajui agenda perubahan iklim dan teknologi hijau negara yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Dalam mendukung usaha meminimumkan kesan peningkatan pelepasan gas rumah kaca ekoran aktiviti manusia, TNB selaku syarikat utiliti elektrik nasional mengambil tindakan proaktif Ogos lalu dengan mengumumkan hala tuju kelestariannya.

"Di bawah hala tuju ini, kami menetapkan aspirasi mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Hasrat ini dipacu komitmen mengurangkan intensiti pelepasan 35 peratus serta pengurangan 50 peratus kapasiti penjanaan tenaga menerusi arang batu menjelang 2035," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, ia adalah pelan strategik rendah karbon untuk menyumbang kepada kehidupan lebih sejahtera sejajar komitmen masyarakat dunia melindungi bumi dengan memastikan semua orang menikmati kesejahteraan.

Sebagai langkah tambahan, TNB juga akan meningkatkan peruntukan dalam R&D berkaitan RE selain usaha sedia ada dalam aktiviti perniagaan RE"

Baharin Din



"Inisiatif TNB ini menepati agenda perubahan iklim dan teknologi hijau kerajaan Malaysia yang bakal dibentangkan pada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC COP-26) di Glasgow, Scotland pada 31 Oktober hingga 12 November depan," katanya.

Sementara itu, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Ir Baharin Din berkata, TNB juga komited memastikan pendapatan daripada loji arang batu tidak melebihi 25 peratus daripada keseluruhan pendapatannya.

"Pada awal tahun ini pula, kami sudah menyatakan komitmen untuk tidak lagi melabur dalam pembinaan loji arang batu di atas tapak baharu selepas Stesen Janakuasa Jimah East Power, di Port Dickson, yang mula beroperasi pada 2019.

"Sebagai langkah tambahan, TNB juga akan meningkatkan peruntukan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan tenaga boleh baharu (RE) selain usaha sedia ada dalam aktiviti perniagaan RE," katanya.